

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXIII)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR  
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

9. Mohon pihak PBT Seberang Perai dan Pulau Pinang nyatakan jumlah pokok yang akan dan dalam usaha kempen Hijau dan Bersih menjelang 2030.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. Setakat ini, Pulau Pinang melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menanam sebanyak 39,710 dalam tempoh dua (2) tahun. Sepanjang tempoh 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2019, MBPP telah menanam sebanyak 11,230 batang pokok manakala MBSP pula telah menanam sebanyak 28,480 batang pokok.

MBSP menasarkankan 300,000 batang pokok ditanam di seluruh kawasan Seberang Perai melalui kempen Hijau dan Bersih dalam tempoh 2020 sehingga 2030. Sehubungan dengan itu, MBSP telah membuat sasaran untuk menanam 100,000 batang pokok mulai tahun 2020 sehingga tahun 2022 dan seterusnya anggaran 25,000 batang pokok ditanam setiap tahun sehingga tahun 2030. MBPP pula menasarkankan 200,000 batang pokok ditanam dalam tempoh 2020 sehingga 2030 di bawah kempen yang sama.

Secara keseluruhannya, Negeri Pulau Pinang melalui kedua-dua PBT iaitu MBPP dan MBSP kini dalam usaha untuk menanam 500,000 batang pokok di seluruh negeri dalam tempoh 2020 sehingga 2030 di bawah kempen Hijau dan Bersih negeri Pulau Pinang.

